

19/03/1997

Koperasi terbit buku mengenai PM

ALOR STAR, Selasa - Wawasan Koperasi Penulis, gabungan Koperasi Serbaguna Penulis Utara Malaysia Berhad dan Wawasan Information Sdn Bhd, menerbitkan dua buku mengenai kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Disember ini bagi mengenang jasa kepemimpinan Perdana Menteri.

Dua buku yang berjudul Mahathir Di Mata Umum serta Mahathir: Pimpinan Cemerlang akan dilancarkan pada majlis makan malam yang akan diadakan di Langkawi, akhir Disember ini.

Pengerusi Wawasan Koperasi Penulis, Nazril Mohd Zain berkata, buku Mahathir Di Mata Umum ditulis oleh gabungan beberapa penulis dari Kedah, manakala Mahathir: Pemimpin Cemerlang ditulis oleh wartawan veteran negara Aeby Muara atau Ahmad Rafee Ahmad Ali, 65.

Buku Mahathir di Mata Umum memuatkan rencana pendek tulisan beberapa penulis tempatan yang mengenali Mahathir seperti Tan Sri Datuk Dr Awang Had Salleh.

"Aeby Muara pula menulis mengenai kepemimpinan Mahathir sejak beliau menjadi Perdana Menteri hingga sekarang," katanya di sini, hari ini.

(END)